

Talking Points
YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob
Menteri Kanan Pertahanan

12 Oktober 2020

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Hari Ke-209 dan Hari ke-125 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan.

Task Force Operasi Pematuhan

- Semalam (11 Oktober 2020) merupakan **hari ke-124 pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)**.
- Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui **Task Force Operasi Pematuhan** melibatkan **2,796 Pasukan Pematuhan** yang terdiri daripada **10,391 anggota**.
- *Task Force* ini telah membuat **41,459 pemeriksaan** bagi **memantau dan menguatkuasa pematuhan SOP PKPP**.
- Sebanyak **2,796 pasar raya, 3,521 restoran** serta **1,451 penjaja, dan 1,652 pasar awam/tani** telah diperiksa.
- Turut diperiksa, **2,440 tempat ibadah** serta **951 tempat riadah**.
- PDRM telah **menahan 663 individu** atas kesalahan ingkar arahan PKPP.
- Daripada jumlah itu, **seramai 617 individu** telah **dikompaun**.
- Seramai **44 individu** pula **direman** dan **2 dijamin**.

- Antara kesalahan ingkar arahan PKPP termasuk:
 - **Penjarakan fizikal** (239)
 - **Tidak memakai pelitup muka** (178)
 - **Aktiviti di pusat hiburan** (105)
 - **Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri** (89)
 - **Langgar syarat di kawasan PKPDB** (20)
 - **Tangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin** (16)
 - **Terlibat dengan aktiviti pelacuran** (8)
 - **Aktiviti perjudian** (3)
 - **Tinggal di Malaysia melebihi tempoh yang dibenarkan** (3)
 - **Premis beroperasi tanpa lesen** (1)
 - **Menghalang penjawat awam menjalankan tugas** (1)
- *Task Force* akan terus mempertingkatkan pemeriksaan serta mengambil tindakan ke atas pemilik premis dan orang awam yang tidak mematuhi SOP PKPP yang ditetapkan.

Kawalan Sempadan Negara

- Operasi BENTENG yang melibatkan;
 - **Angkatan Tentera Malaysia** (ATM),
 - **Polis Diraja Malaysia** (PDRM),
 - **Agensi Penguatkuasaan Malaysia** (APMM),
 - **Jabatan Imigresen Malaysia** (JIM),
 - **Jabatan Kastam Diraja Malaysia** (JKDM),
 - **Agensi Kawalan Sempadan Malaysia** (AKSEM)

dan agensi-agensi lain mengawal ketat sempadan negara secara bersepadu dari **dibolosi Pendatang Asing Tanpa Izin** (PATI) bagi

mengekang jenayah rentas sempadan selain mengekang penularan wabak COVID-19.

- Semalam, Ops Benteng telah berjaya menahan **76 PATI**, serta berjaya merampas **3 bot** dan **3 kenderaan darat**.
- Sebanyak **136 Sekatan Jalan Raya Operasi Benteng** juga dilakukan diseluruh negara yang melibatkan:
 - PDRM – **109 SJR**
 - ATM – **17 SJR**
 - AKSEM – **10 SJR**
- Orang ramai diminta untuk menghubungi hotline *National Task Force* di talian **011 6251 1223** untuk terus **menyalurkan maklumat berkenaan PATI** dan jenayah rentas sempadan.

Operasi Sanitasi Awam COVID-19

- **Ops Sanitasi Awam** di bawah kawal selia **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** (KPKT) sejak 30 Mac 2020 telah melakukan **10,401 operasi** sanitasi merangkumi **135 zon**.
- Semalam, sebanyak **21 operasi sanitasi** meliputi **2 Zon Merah, 10 Zon Kuning dan 4 Zon Hijau** di **7 buah negeri** iaitu:
 - **Sarawak** (7 operasi)
 - **Terengganu** (4 operasi)
 - **Sabah** (3 operasi)
 - **Melaka** (3 operasi)
 - **Pulau Pinang** (2 operasi)

- **Pahang** (1 operasi)
- **Kedah** (1 operasi)
- Operasi Sanitasi ini melibatkan **197 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** serta **148 anggota pihak berkuasa tempatan (PBT)** dan **4** dari agensi-agensi lain.
- **7 jentera JBPM** turut digunakan dalam Operasi Sanitasi Awam.

Kuarantin Wajib

- Dari **24 Julai** sehingga **11 Oktober** 2020, seramai **46,655 individu** telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa.
- Daripada jumlah itu, seramai **9,473 individu** sedang menjalani kuarantin wajib di **68 Hotel** dan **18 premis lain termasuk Institut Latihan Awam (ILA)** serta **Institusi Pengajian Swasta** di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Sarawak, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Terengganu, Sabah dan Labuan.
- **381 individu pula** telah dibawa ke **hospital** untuk **rawatan** manakala **36,801 individu** telah di discaj dan **dibenarkan pulang ke rumah**.

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Di Sabah

Sidang khas hari ini mendengar pengesahan KKM berhubung peningkatan kes-kes positif di **Sabah**.

Sebelum ini beberapa daerah di Sabah telahpun dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) iaitu di Lahad Datu, Tawau, Kunak dan Semporna, Kota Kinabalu, Penampang dan Putatan serta beberapa lokaliti lagi telah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Selain itu, Kawalan Rentas Daerah di Seluruh negeri Sabah juga telah dikuatkuasakan sejak 3 Oktober 2020. Rentas daerah dibenarkan kepada kakitangan kerajaan dan

Selepas mendapat nasihat KKM dan mengambil kira kes peningkatan dan penularan yang berlaku, sidang khas MKN hari ini bersetuju untuk melaksanakan PKPB di seluruh negeri Sabah berkuat kuasa **jam 12.01 tengah malam ini sehingga 26 Oktober 2020**.

Antara **SOP** adalah seperti berikut:

- Pergerakan keluar masuk/merentas daerah adalah tidak dibenarkan. Bagaimanapun bagi pekerja yang perlu merentas daerah, mereka perlu **menunjukkan pas kerja atau surat kebenaran daripada majikan**.

- Hanya 2 orang sahaja dari sebuah rumah dibenarkan keluar untuk membeli barang keperluan.

- Semua sekolah, institusi pengajian tinggi, institut latihan kemahiran, tadika, taska, pusat tahfiz, taman-taman awam dan pusat rekreasi adalah **DITUTUP**.
 - Masjid dan surau serta rumah ibadat bukan Islam lain adalah **DITUTUP**.
 - Semua aktiviti sukan, rekreasi, sosial dan budaya termasuk majlis perkahwinan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
 - Pusat-pusat hiburan dan kelab malam juga **TIDAK DIBENARKAN**.
-
- Kegiatan sektor ekonomi, industri dan perniagaan dibenarkan beroperasi seperti biasa namun perlu mematuhi SOP ketat yang telah dan akan dikeluarkan oleh MKN.
 - Pasar Borang, Pasar harian (6.00 pagi – 2.00 petang).
 - Kedai barang keperluan dan kedai runcit (6.00 pagi – 6.00 petang)
 - Restoran, kedai-kedai makan, warung-warung, kedai runcit dan serbaneka dibenarkan (6.00 pagi – 6.00 petang). Bagaimanapun terhad untuk pembelian secara pandu lalu, penghantaran serta take away.
 - Operasi stesen minyak dibenarkan beroperasi (6.00 pagi – 6.00 petang)

- Perkhidmatan teksi/ *e-hailing* dan penghantaran makanan juga dibenarkan (6.00 pagi – 8.00 malam).
- Bas ekspres dan bas henti-henti tidak dibenarkan beroperasi.
- Farmasi dan kedai ubat-ubatan dibenarkan beroperasi seperti biasa (6.00 pagi hingga 6.00 petang).
- Operasi klinik dan hospital kerajaan dibenarkan beroperasi 24 jam.
- Sektor perikanan, perladangan, pertanian adalah dibenarkan.
- Bagi sektor perniagaan dan perkilangan termasuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang ingin beroperasi boleh **memohon daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah.**

Perincian lanjut SOP boleh dirujuk di laman sesawang MKN.

PKPD Felda Umas, Tawau

Sidang hari ini juga mendengar cadangan daripada MKN Sabah mengenai terdapat kes positif COVID-19 di **Felda Umas, Tawau, Sabah.**

Sidang hari ini bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Felda Umas yang akan berkuatkuasa **jam 12.01 tengah malam ini, 13 Oktober hingga 26 Oktober 2020.**

PKPD ini akan melibatkan **800 buah rumah** dengan seramai **17,549 penduduk** di kawasan tersebut.

Dengan pelaksanaan perintah ini semua penduduk dikehendaki mematuhi SOP yang ditetapkan antaranya:

- Semua penduduk di kawasan terlibat **tidak dibenarkan** keluar daripada rumah masing-masing.
- **Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.**
- Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, mereka dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mengemukakan **permohonan pergerakan kepada PDRM.**

KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.

Bekalan keperluan makanan akan diagihkan oleh Kerajaan negeri yang akan dikoordinasi Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.

Bagi memastikan pematuhan perintah ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Pihak Berkuasa Tempatan dan pegawai yang diberi kuasa, akan mengawal seluruh kawasan terlibat.

Maklumat lanjut dan SOP berkaitan boleh dirujuk di laman sesawang MKN.

PKPB di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya

Sidang khas hari ini mendengar pengesahan KKM berhubung peningkatan kes-kes positif di **Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya.**

Selepas mendapat nasihat KKM dan mengambil kira kes peningkatan dan penularan yang berlaku, seperti di Klang di Petaling dan kes dilihat meningkat di Gomabak dan dearah-daerah lain.

Bagi menyekat penularan wabak ini dari terus merebak, sidang khas MKN hari ini bersetuju untuk melaksanakan PKPB di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya **berkuatkuasa jam 12.01 tengah malam, 14 Oktober hingga 27 Oktober 2020.**

Aktiviti-aktiviti yang **dilarang** adalah seperti berikut:

- Pergerakan keluar masuk/merentas daerah adalah tidak dibenarkan. Bagaimanapun bagi pekerja yang perlu merentas daerah, mereka perlu **menunjukkan pas kerja atau surat kebenaran daripada majikan.**
- **Hanya 2 orang sahaja** dari sebuah rumah dibenarkan keluar untuk membeli barang keperluan.
- Semua sekolah, institusi pengajian tinggi, institut latihan kemahiran, tadika, taska, pusat tahfiz, taman-taman awam dan pusat rekreasi adalah ditutup.

- Masjid dan rumah ibadat bukan Islam lain adalah ditutup.
- Semua aktiviti sukan, rekreasi, sosial dan budaya termasuk majlis perkahwinan adalah tidak dibenarkan.
- Pusat-pusat hiburan dan kelab malam juga tidak dibenarkan.

Walaubagaimanapun, **semua kegiatan ekonomi** di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya masih **dibenarkan** beroperasi seperti biasa.

Senarai SOP lanjut dan lebih terperinci akan diumumkan oleh MKN dalam masa terdekat.

Penutup

Akhir sekali, saya ingin terus ingatkan kepada semua rakyat di negara ini bahawa kita masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Semua SOP asas PKPP masih lagi berkuat kuasa. Walaupun hampir keseluruhan sektor telah dibuka, namun masih terdapat aktiviti yang masih dalam senarai yang tidak dibenarkan. Setiap hari masih ada tangkapan-tangkapan dibuat terhadap individu-individu yang gagal mematuhi SOP yang ditetapkan.

Saya ingin mengingatkan orang ramai agar sentiasa mematuhi SOP asas seperti pemakaian pelitup muka di tempat awam, penjarakan fizikal, kerap cuci tangan dengan sabun atau *hand sanitizer* dan lain-lain. Sentiasa amalkan norma baharu dan kawalan kendiri setiap masa untuk kekal selamat.